

Semua Ketua Bahagian
Pengarah PERKESO Negeri
Pengurus Pejabat PERKESO
Anggota PERKESO
Yang berkenaan

2 April 2018

ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 3 TAHUN 2018

**POLISI ANTI-FRAUD
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

1. TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan tentang pelaksanaan Polisi Anti-Fraud Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

2. LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF

- 2.1 PERKESO merupakan sebuah agensi yang telah diamanahkan untuk mentadbir Skim Keselamatan Sosial negara. Justeru, PERKESO bertanggungjawab melindungi dana awam yang diperolehi melalui hasil kutipan caruman majikan dan pekerja.
- 2.2 Dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, PERKESO tidak terkecuali daripada menghadapi ancaman fraud yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sama ada dari luar atau dalam PERKESO.
- 2.3 Polisi ini merupakan komitmen pihak Lembaga dan Pengurusan Tertinggi PERKESO untuk melindungi reputasi, aset, data dan kewangan PERKESO dari sebarang bentuk transaksi fraud atau yang disyaki mengandungi unsur-unsur fraud yang dilakukan oleh anggota PERKESO atau pihak ketiga.
- 2.4 Pengurusan Tertinggi PERKESO mengamalkan sikap Toleransi Sifar (*Zero Tolerance*) terhadap kes-kes yang melibatkan fraud atau yang disyaki mengandungi unsur-unsur fraud.

3. DEFINISI FRAUD

3.1 Bagi tujuan polisi ini, **Fraud** didefinisikan sebagai:

"Apa-apa perbuatan, ungkapan, ketinggalan, penyembunyian, pernyataan atau representasi palsu yang sengaja dilakukan bagi mendorong PERKESO untuk bertindak dan tindakan yang diambil itu mendatangkan kerugian kepada PERKESO dan pelaku mendapat keuntungan atau apa-apa percubaan untuk melakukan fraud oleh mana-mana pihak atau sebarang salah laku/kecuaian/kecuaian melampau oleh anggota yang menyebabkan berlakunya fraud."

3.2 "**Fraud Dalaman**" didefinisikan sebagai fraud terhadap PERKESO oleh Ahli Lembaga, Pengurusan Tertinggi dan Anggota PERKESO sama ada dilakukan oleh mereka sendiri atau dengan cara pakat sulit bersama anggota dalaman atau pihak luaran. Contoh perbuatan Fraud Dalaman (namun ianya tidak terhad) seperti senarai berikut:

- a) Sebarang bentuk penipuan atau ketidakjujuran.
- b) Memalsukan data/rekod/dokumen PERKESO.
- c) Penyalahgunaan atau kecurian aset atau data PERKESO
- d) Sebarang bentuk rasuah atau pelanggaran mana-mana undang-undang berkaitan dengan pencegahan rasuah.
- e) Sebarang bentuk penyelewengan aset PERKESO.
- f) Penyalahgunaan kuasa untuk mendapat keuntungan peribadi.
- g) Pembayaran harga atau fi yang berlebihan kepada pihak ketiga dengan tujuan meraih keuntungan peribadi.

3.3 "**Fraud Luaran**" didefinisikan sebagai fraud terhadap PERKESO, Ahli Lembaga, Pengurusan Tertinggi atau Anggota PERKESO oleh mana-mana pihak ketiga. Contoh perbuatan Fraud Luaran (namun ianya tidak terhad) seperti senarai berikut:

- a) Pemalsuan dokumen untuk mendapatkan tuntutan faedah PERKESO.

- b) Pindaan atau penambahan kandungan dokumen atas urusan PERKESO tanpa kebenaran.
- c) Salah nyataan dengan niat untuk menipu.
- d) Membuat representasi palsu.

3.4 **“Pihak Ketiga”** didefinisikan sebagai mereka yang bukan anggota PERKESO seperti Orang Berinsuran, Majikan, Pembekal, Vendor, Hospital, Klinik, Doktor Perubatan atau mana-mana individu atau syarikat yang berurusan dengan PERKESO.

4. SKOP POLISI

Polisi ini terpakai kepada semua anggota PERKESO termasuk Ahli Lembaga, Pengurusan Tertinggi dan mana-mana pihak ketiga yang berurusan dengan PERKESO.

5. TANGGUNGJAWAB ANGGOTA PERKESO

- 5.1 Setiap anggota PERKESO termasuk Ahli Lembaga dan Pengurusan Tertinggi adalah bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengesan atau menghalang perbuatan fraud.
- 5.2 Pengurusan Tertinggi PERKESO bertanggungjawab memastikan setiap Bahagian/Cawangan/Unit/PPN/PPP mempunyai kawalan dalaman bagi setiap proses dan prosedur kerja untuk mencegah perlakuan fraud, rasuah atau apa-apa ketidakaturan. Kawalan dalaman hendaklah juga dirangka dan dilaksanakan secara objektif untuk mengurangkan gejala fraud dan setakat mana yang boleh, mengesan perlakuan fraud sekiranya ada.
- 5.3 Bahagian/Cawangan/Jabatan/Unit/PPN/PPP adalah bertanggungjawab dalam memastikan kawalan dalaman berkaitan dengan fraud berfungsi dengan baik. Di samping itu, Bahagian/Cawangan/Jabatan/Unit/PPN/PPP turut bertanggungjawab memastikan setiap anggota mereka mengetahui akan kewajipan untuk melaporkan sebarang perkara fraud atau disyaki mengandungi unsur-unsur fraud.

- 5.4 Anggota di Bahagian/Cawangan/Jabatan/Unit/PPN/PPP adalah bertanggungjawab mematuhi kawalan dalaman berkaitan dengan fraud dan menjaga integriti bagi setiap proses dan prosedur.

6. TANGGUNGJAWAB AUDIT DALAM

Pengauditan berasaskan risiko, membuka ruang untuk mengkaji semula dan menilai keberkesanan kawalan dalaman berkaitan dengan fraud. Audit Dalam bertanggungjawab untuk melaporkan segera ke Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan berkenaan sebarang dapatan atau ketidakaturan yang berkaitan atau melibatkan fraud atau disyaki mengandungi unsur-unsur fraud.

7. TANGGUNGJAWAB PIHAK KETIGA

Pihak Ketiga atau kakitangan Pihak Ketiga yang berurusan dengan PERKESO hendaklah menjaga integriti urusan yang ingin dilaksanakan dan memastikan tiada unsur-unsur yang melibatkan fraud.

8. TOLERANSI SIFAR (ZERO TOLERANCE)

- 8.1 PERKESO akan melaporkan kepada pihak berkuasa supaya tindakan undang-undang diambil ke atas mana-mana pihak (termasuk anggota PERKESO) yang melakukan fraud terhadap PERKESO.
- 8.2 PERKESO juga akan mengambil tindakan tatatertib termasuk buang kerja terhadap mana-mana anggota yang dikenalpasti terlibat atau bersubahat di dalam apa-apa transaksi fraud atau yang disyaki mengandungi unsur-unsur fraud.
- 8.3 Mana-mana anggota PERKESO yang cuai atau cuai melampau dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan berlakunya fraud, juga akan dikenakan tindakan tatatertib.
- 8.4 Siasatan terhadap mana-mana anggota PERKESO atau pihak ketiga hendaklah dijalankan tanpa mengambil kira tempoh perkhidmatan, jawatan, kedudukan atau hubungan dengan PERKESO.
- 8.5 Sekiranya transaksi fraud atau disyaki fraud melibatkan Pihak Ketiga, semua urusan dengan Pihak Ketiga hendaklah digantung dengan serta-merta. Apabila telah dikenalpasti bahawa Pihak Ketiga terlibat dengan transaksi fraud, apa-apa kontrak, tuntutan faedah atau apa-apa urusan

dengan Pihak Ketiga hendaklah ditamatkan dengan serta-merta dan Pihak Ketiga tersebut hendaklah disenaraihitamkan.

- 8.6 PERKESO akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang melakukan fraud terhadap PERKESO bagi mendapatkan semula apa-apa kehilangan wang, aset atau apa-apa kerugian yang dialami akibat perbuatan fraud.

9. PELAPORAN FRAUD

- 9.1 Setiap Bahagian/Cawangan/Unit/PPN/PPP/Individu hendaklah melaporkan dengan segera apa-apa perbuatan fraud atau disyaki mengandungi unsur-unsur fraud kepada Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan (CAF). Aduan boleh dibuat melalui saluran berikut:-

- Talian Anti-Fraud : 019-3832435/013-2221188
- Whatsapp Anti-Fraud : 019-3832435/013-2221188
- Email : antifraud@perkeso.gov.my
- Portal Anti-Fraud : <https://antifraud.perkeso.gov.my>

- 9.2 Setiap pelaporan mengenai fraud atau yang disyaki mengandungi unsur-unsur fraud diklasifikasikan sebagai "**RAHSIA**". Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan berusaha melindungi identiti pelapor selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

- 9.3 Individu yang membuat pelaporan fraud dinasihatkan untuk tidak menghubungi atau berurusan dengan suspek secara terus atau membuat penyiasatan sendiri berkaitan dengan transaksi fraud atau yang disyaki mengandungi unsur-unsur fraud.

- 9.4 Individu yang membuat pelaporan fraud juga dinasihatkan untuk tidak berbincang dengan mana-mana pihak berkaitan dengan kes, fakta, syak atau dakwaan fraud supaya identiti pelapor dapat dirahsiakan.

- 9.5 Pengurusan Tertinggi PERKESO tidak menggalakkan pelaporan yang bersifat anonim. Namun begitu Pengurusan Tertinggi PERKESO mempunyai budi bicara untuk mengarahkan Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan menjalankan siasatan terhadap laporan yang bersifat anonim setelah mengambil kira perkara berikut:-

- Keseriusan isu yang dibangkitkan

- Kredibiliti fakta yang menyokong pelaporan fraud
 - Kebarangkalian pelaporan boleh dibuktikan melalui sumber yang ada.
- 9.6 Sekiranya mana-mana pelaporan oleh anggota PERKESO didapati tidak benar setelah siasatan dijalankan, namun demikian pelaporan tersebut dibuat dengan niat suci hati (*bona fide*), Pengurusan Tertinggi PERKESO memberi jaminan bahawa tiada tindakan akan diambil terhadap pelapor. Jika didapati pelaporan dibuat dengan niat jahat (*mala fide*), menyusahkan dan mempunyai kepentingan peribadi, maka Pengurusan Tertinggi PERKESO akan mengambil tindakan tatatertib terhadap anggota berkenaan.
- 9.7 Mana-mana anggota PERKESO yang gagal atau tidak membuat laporan mengenai fraud atau urusan yang disyaki mengandungi unsur-unsur fraud boleh dikenakan tindakan tatatertib.

10. PENYIASATAN CAWANGAN ANTI-FRAUD & PENYIASATAN


- 10.1 Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan dipertanggungjawabkan untuk menjalankan siasatan terhadap setiap laporan mengenai fraud atau yang disyaki mengandungi unsur-unsur fraud. Hasil siasatan akan dilaporkan terus kepada Ketua Eksekutif PERKESO.
- 10.2 Prosedur siasatan adalah seperti yang dinyatakan dan terkandung dalam SOP Siasatan Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan.
- 10.3 Semasa menjalankan siasatan, anggota Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan diberi akses tanpa had kepada semua dokumen, fail, rekod, pangkalan data, sistem, perisian, aplikasi, pelayan (*server*), storan dan premis PERKESO.
- 10.4 Anggota Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan juga diberi kuasa untuk meneliti, membuat salinan dan mengambil apa-apa dokumen, fail, rekod, storan dan data daripada mana-mana kabinet, meja, komputer, sistem, perisian, aplikasi, pelayan (*server*) atau tempat simpanan tanpa perlu memberitahu atau mendapat kebenaran daripada mana-mana anggota PERKESO semasa menjalankan siasatan.
- 10.5 Hasil siasatan Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan tidak akan didedahkan atau dibincangkan dengan sesiapa kecuali pihak yang

mempunyai kepentingan sah untuk mengetahui hasil siasatan tersebut. Ianya bertujuan untuk melindungi reputasi pihak yang disyaki melakukan fraud tetapi kemudiannya didapati tidak bersalah dan juga untuk melindungi PERKESO daripada tindakan undang-undang berkaitan dengan fitnah.

- 10.6 Sekiranya hasil siasatan Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan mendapati penglibatan anggota PERKESO, laporan siasatan bersama pengesyoran akan diserahkan kepada Bahagian Integriti dan Bahagian Sumber Manusia untuk tindakan seterusnya.
- 10.7 Jika hasil siasatan Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan mendapati perbuatan fraud oleh pihak ketiga, laporan siasatan bersama pengesyoran akan diserahkan kepada Bahagian/Cawangan/PPN/PPP yang berkenaan untuk tindakan.
- 10.8 Cawangan Anti-Fraud & Penyiasatan juga akan mengemukakan cadangan atau penambahbaikan terhadap apa-apa proses atau prosedur atau kawalan dalaman yang didapati tidak berkesan di dalam menangani masalah fraud.

11. TARIKH KUATKUASA

Polisi ini berkuatkuasa serta-merta.


Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed
Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh : 2 April 2018